

HOE ZINC CREAM

Zinc Oxide (32% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan HOE Zinc Cream
2. Bagaimana HOE Zinc Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan HOE Zinc Cream
4. Cara menggunakan HOE Zinc Cream
5. Semasa menggunakan HOE Zinc Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan HOE Zinc Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang HOE Zinc Cream. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda menggunakan HOE Zinc Cream berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan HOE Zinc Cream

HOE Zinc Cream adalah sejenis astringen ringan kepada kulit. Ia menenangkan dan melindungi daripada ekzema dan masalah menggaru berulang yang ringan.

Bagaimana HOE Zinc Cream berfungsi

HOE Zinc Cream mengandungi bahan aktif Zinc Oxide yang

bertindak sebagai astringen ringan yang menyediakan penghalang fizikal untuk mengelakkan kerengsaan kulit dan membantu menyembuhkan kulit yang rosak.

Sebelum menggunakan HOE Zinc Cream

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan HOE Zinc Cream:

- Jika anda alahan kepada Zinc Oxide atau mana-mana bahan dalam ubat ini.

-Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor jika anda mempunyai atau pernah mengalami mana-mana keadaan perubatan seperti yang berikut:

- Anda mempunyai alahan kepada mana-mana ubat-ubatan, makanan, atau bahan-bahan lain.

Kehamilan dan penyusuan:

Ia tidak diketahui bahawa Zinc Oxide akan membahayakan bayi dalam kandungan. Beritahu doktor anda sebelum menggunakan ubat ini jika anda mengandung atau merancang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat-ubatan yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat-ubatan yang dipreskripsikan dan produk-produk herba). Tiada rekod interaksi HOE Zinc Cream dengan ubat lain dilaporkan.

Cara menggunakan HOE Zinc Cream

-Berapa banyak harus digunakan

Sapu 2-3 kali sehari.

Selalu menggunakan HOE Zinc Cream seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Bila perlu digunakan

Cuci dan keringkan kawasan yang terjejas dengan teliti sebelum menyapu krim.

-Berapa lama perlu digunakan

Rujuk doktor anda untuk mengetahui tempoh rawatan yang tepat.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan krim pada masa yang tepat, gunakan ia sebaik sahaja anda ingat. Kemudian guna seperti biasa. Jangan menggandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

-Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Jika, beberapa kali anda terguna lebih daripada yang anda perlu, jangan bimbang. Jika anda sapu terlalu banyak atau tertelan, ia boleh membuat anda tidak sihat. Berbincang dengan doktor anda atau pergi ke hospital secepat mungkin.

Semasa menggunakan HOE Zinc Cream

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru yang lain, ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi dan ubat-ubatan herba, maklumkan doktor atau ahli farmasi

anda bahawa anda sedang menggunakan HOE Zinc Cream.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Hentikan penggunaan jika kerengsaan atau sensitiviti terhasil. Jika anda tidak pasti, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakannya.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan ubat ini di dalam mulut atau mata anda. Jika berlaku, segera cuci dengan air.

Dapatkan bantuan perubatan untuk kerengsaan kulit yang teruk atau kecederaan.

Jika keadaan anda tidak bertambah baik, berhenti menggunakan ubat ini dan beritahu doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, HOE Zinc Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Seperti semua ubat-ubatan, sesetengah orang mungkin alah terhadap krim.

Jika kesan sampingan berterusan atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersebut di atas, sila jumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan
HOE Zinc Cream**

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.
Tutup dengan rapat dan betul.
Lindungi daripada cahaya.
Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput.
Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna

HOE Zinc Cream adalah krim putih dan boleh didapati dalam 450g *polypropylene* botol.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:
Zinc Oxide 32% w/w

-Bahan-bahan tidak aktif:
Palm Oil, Oleic Acid, Wool Fat, Dimethicone Copolyol (Cetyl PEG/PPG-10/1 Dimethicone), Sodium Chloride dan Purified Water.

-Nombor MAL:

MAL19930439XZ

Pengilang:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP:

06/09/2023

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)180220/00030